

Headline	Ikon saintis perhutanan di RICH 8.0		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	08 Nov 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	18	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	426 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,031
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,093



Ikon saintis perhutanan di RICH 8.0

SHAH ALAM - "Keredaan ALLAH adalah kejayaan di dunia dan akhirat."

Itu kunci kejayaan Ketua Pengarah, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datuk Dr Abd Latif Mohmod.

Anak kelahiran Johor itu merupakan Ketua Pengarah FRIM yang ketiga sejak 28 April 2008 sehingga kini.

Dalam tempoh tersebut, beliau telah melakar kejayaan demi kejayaan secara peribadi dan institusinya juga telah menerima lebih 1,200 anugerah di dalam dan luar negara.

Namun beliau sentiasa merendah diri dan memikirkan jalan terbaik untuk meletakkan FRIM di mata dunia.

"Saya tidak pernah mengejar pangkat. Apa yang menjadi pendorong saya adalah Rasulullah SAW untuk melakukan yang terbaik. Saya bukan bos tapi ketua keluarga di FRIM. Sebagai keluarga kita bersama menjaga hutan. Hutan adalah hak ALLAH SWT yang perlu dijaga, dipelihara dan dipulihara oleh hamba-hamba-Nya.

"Segala kejayaan saya



Segala kejayaan saya secara peribadi mahupun FRIM adalah datang daripada ALLAH."

- Dr Abd Latif Mohmod

secara peribadi mahupun FRIM adalah datang daripada ALLAH. Kita buat apa yang ALLAH suruh. Jangan mudah putus asa. Kita jangan merancang untuk mendapat hadiah atau anugerah, tetapi merancang kerja yang terbaik dengan niat terbaik," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*.

Ikon saintis perhutanan itu juga telah membentangkan lebih 300 makalah penyelidikan di pelbagai seminar dan jurnal tempat dan antarabangsa.

Pelbagai anugerah diterima beliau di sepanjang kerjaya termasuk Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada 1988, 1983 dan 1994. Penerbitan Terbaik (1992, 2006, 2008); Penulis Jurnal Berimpak Tinggi Terbanyak (2010), Anugerah Buku (1993 dan 1996); Anugerah Saintis FRIM (1995), Anugerah Ketua Pengarah FRIM (2006), Anugerah Lembaga Pem-

angunan dan Penyelidikan Perhutanan Malaysia dan Anugerah Kecemerlangan Rekacipta Kebangsaan (1993 dan 1994).

Abd Latif menjadi tetamu jemputan bagi Sesi Bersama Tokoh pada program Rahsia Cemerlang Hidup (RICH) 8.0: "Dahulukan ALLAH dalam hidup" secara *offline* di QTT1, Bangunan Sinar, Kumpulan Media Karangkraf Sdn Bhd, Shah Alam dan secara *online* di FB LIVE World #QuranHour pada jam 6.30 pagi esok.

Orang ramai turut dijemput menyertai RICH pada jam 4.30 pagi hingga 7.30 pagi.

Aktiviti tersebut bermula dengan bacaan al-Quran dan bertadabbur ayat pilihan diikuti dengan solat sunat, solat Subuh berjemaah dan Sesi Bersama Tokoh. Penyertaan adalah percuma. Untuk mendaftar sila ke pautan <http://bit.ly/RICH1441H>.

Headline	Ikon saintis perhutanan di RICH 8.0		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	08 Nov 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	18	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	426 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,031
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,093

Saksikan secara langsung di



WORLD #QuranHour

RICH

Rahsia Insan Cemerlang Hidup



Hadir secara offline dan online

DAHULUKAN ALLAH DALAM HIDUP

9 NOVEMBER 2019 4.30 PAGI - 7.30 PAGI

TEMPAT: QTT1, TINGKAT 1,
BANGUNAN SINAR HARIAN,
KUMPULAN MEDIA KARANGKRAF,
SHAH ALAM




PANELIS TOKOH
DATUK DR ABD LATIF MOHMOD
KETUA PENGARAH
INSTITUT PENYELIDIKAN
PERHUTANAN MALAYSIA
(FRIM)

MODERATOR
FAZRUL ISMAIL
KETUA PEGAWAI PENYELIDIK
YAYASAN WARISAN UMMAH
IKHLAS

Tentatif:

4.30 pagi : Persiapan diri untuk bersama di FB page World #QuranHour	6.30 pagi : Sambungan RICH sesi 2
4.30 pagi : RICH sesi 1 - Bacaan al-Quran dan tadabbur	- Sesi bersama Tokoh: Datuk Dr Abd Latif Mohmod, Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)
5.00 pagi : Berhenti sebentar FB Live untuk peserta RICH menunaikan solat sunat dan solat Subuh	7.15 pagi : Rumusan dan Resolusi/ tindakan : Doa dan selesai

Daftar di: <http://bit.ly/RICH1441H>

Anjuran



Dengan kerjasama



Sinergi Ikhlas

Dibekalkan oleh





rumahngaji
world#quranhour



rumahngaji
world#quranhour



rumahngaji
world#quranhour



www.rumahngaji.my
www.worldquranhour.com